



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

**PENGARANG, MEJA BERITA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA**

**EAIC SIASAT SERTA MERTA  
KES KEMATIAN TAHANAN IPD KLANG UTARA**

Putrajaya 9 Februari 2017 – Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) akan menjalankan siasatan serta merta ke atas kematian S. Balamurugan, tahanan di Ibu Pejabat Polis (IPD) Klang Utara, Selangor.

Memetik laporan oleh portal *The Star Online*, mangsa yang berumur 44 tahun telah disahkan meninggal dunia pada jam 6.00 pagi pada 8 Februari 2017, iaitu 3 hari selepas ditahan di IPD tersebut. Menurut ahli keluarga mangsa yang membuat pengecaman mayat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, muka mangsa mengalami lebam yang teruk dan berdarah. Mangsa juga turut mengalami pendarahan yang sama (di mulut) dan ‘muntah darah’ ketika dibawa ke Mahkamah untuk direman pada hari Selasa lalu. Dalam pada itu kenyataan oleh peguam yang mewakili keluarga mangsa, Gerard Lazarus, meskipun ahli keluarga telah memohon untuk mendapatkan rawatan segera di hospital mangsa tetap dibawa untuk penahanan semula di IPD tersebut.

Sehubungan ini EAIC telah menubuhkan satu Pasukan Petugas selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 17 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] bagi menjalankan siasatan ke atas kes ini.



Skop dan terma rujukan siasatan EAIC adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700, termasuk perlakuan yang bersifat jenayah oleh pegawai PDRM semasa mengendalikan tahanan dan berkaitan kematian tahanan tersebut; dan
- ii. Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:
  - a) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;
  - b) apakah peruntukan undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, *Standard Operating Procedures* (SOP) dan arahan-arahan tetap yang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian orang tahanan yang telah dipecahi; dan
  - c) individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku atau perlakuan jenayah tersebut.

EAIC memandang serius kejadian ini susulan daripada kematian tahanan di IPD Bera, Soh Kai Chiok pada 18 Januari lalu. Maka dengan ini, siasatan akan dijalankan dengan telus, bebas prejudis dan tidak sama sekali berpihak kepada sesiapa.

**-TAMAT-**

**DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM**

Pengerusi  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

9 Februari 2017